

Ringkasan Tatacara Mengerjakan Solat Gerhana Bulan (Khusuf)

**Sebelum menunaikan solat gerhana bulan, bilal melaungkan الصلاة جامعة (tiada iqamat sebelum solat gerhana)

Rakaat Pertama

- 1) Berniat di dalam hati untuk mengerjakan solat Gerhana (*Khusuf*)
“sahaja aku solat sunat khusuf, dua rakaat mengikut imam kerana Allah taala” (Bagi solat berjemaah)
“sahaja aku solat sunat khusuf, dua rakaat kerana Allah taala” (Bagi solat bersendirian)
- 2) *Takbiratul Ihram*
- 3) Doa *Iftitah*
- 4) Membaca surah al-Fatihah
- 5) Membaca Surah al-Qur’an. Dicadangkan membaca surah Al Baqarah sehingga ayat 25, atau boleh membaca mana-mana surah yang dihafal.
- 6) Rukuk
- 7) Iktidal
- 8) Membaca Surah al-Fatihah
- 9) Membaca Surah al-Qur’an. Dicadangkan membaca surah Al ‘ala, atau boleh membaca mana-mana surah yang dihafal.
- 10) Rukuk
- 11) Iktidal
- 12) Sujud
- 13) Duduk antara dua sujud
- 14) Sujud kali kedua
- 15) Bangun untuk rakaat kedua

Rakaat Kedua

- 1) Membaca surah al-Fatihah
- 2) Membaca Surah al-Qur'an. Dicapangkan membaca surah Ali Imran sehingga ayat 9, atau boleh membaca mana-mana surah yang dihafal.
- 3) Rukuk
- 4) Iktidal
- 5) Membaca Surah al-Fatihah
- 6) Membaca Surah al-Qur'an. Dicapangkan membaca surah Al Ghasyiah atau boleh membaca mana-mana surah yang dihafal.
- 7) Rukuk
- 8) Iktidal
- 9) Sujud
- 10) Duduk antara dua sujud
- 11) Sujud kali kedua
- 12) Duduk untuk *tahiyat* akhir
- 13) Memberi salam ke kanan dan ke kiri